



MEMO

PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR



Kepada : Semua pelajar Senior yang berkaitan
Daripada : Ketua Unit Asrama
Tarikh : 15 Januari 2024
Rujukan : PSP/KAM/120/01/03/Jld.5 (28)

MAKLUMAT TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN SEWAKTU HARI PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SESI II 2023/2024

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Semua pelajar senior yang ditawarkan asrama dikehendaki membawa dokumen yang lengkap semasa hari pendaftaran seperti berikut :-

- 2.1 Borang Pendaftaran yang lengkap beserta gambar terkini. (dapatkan borang pendaftaran di Laman Web PSP);
- 2.2 Salinan kad pengenalan yang telah dipalang;
- 2.3 Salinan Resit **Pembayaran Asrama Lama (RM60.00)** dan Salinan Resit **Pembayaran Asrama PFI (RM630.00)** melalui **JOMPAY**. (mana yang berkaitan)
- 2.4 Salinan Pendaftaran Online

3. Bayaran asrama perlu dibuat **pada atau selepas 25 Januari 2024** sehingga **30 Januari 2024**.

4. Semua pelajar yang telah membuat bayaran seperti masa yang ditetapkan dikehendaki hadir mendaftar seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 1 Februari 2024 (Khamis)
Masa : 9.00 Pagi – 1.00 petang
 2.30 petang – 4.00 petang
Tempat : Perkarangan Asrama PFI

5. Pelajar mesti mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan atau disiplin semasa tinggal di asrama **“Pihak Kolej Kediaman Pelajar boleh mengambil tindakan mengarahkan pelajar untuk mengosongkan bilik atau mengarahkan pelajar keluar dari KKP”**.

Kerjasama saudara/saudari berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan boleh diajukan terus kepada Pejabat Kolej Kediaman Pelajar di talian 04-5383322 samb. 1402,1213,5222 dan 5102.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(NOOR HAYATI BINTI MAT SALEH)

s.k : Jabatan Hal Ehwal Pelajar



POLITEKNIK SEBERANG PERAI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JALAN PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG
MALAYSIA



REKOD PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

--

JABATAN	
NO.BILIK	

Bahagian A (Diisi oleh pelajar)

MAKLUMAT PELAJAR

PERHATIAN: Sertakan satu salinan kad pengenalan

NAMA				JANTINA		TAMPALKAN GAMBAR TERKINI
NO.K/P		BANGSA		AGAMA		
NO. PENDAFTARAN		SEMESTER		KELAS		
ALAMAT RUMAH						
NO.TEL BIMBIT			NO.TEL RUMAH			
SESI						

Bahagian B (Diisi oleh pelajar)

MAKLUMAT WARIS/PENJAGA

NAMA			HUBUNGAN	
PEKERJAAN			NO.TELEFON	
ALAMAT RUMAH (sekiranya berlainan dari alamat diatas)				

Bahagian C (Diisi oleh pelajar)

MAKLUMAT PEMBAYARAN

PERHATIAN: Sertakan satu salinan slip pembayaran Yuran Asrama

JUMLAH (RM)		NO. RUJUKAN TRANSAKSI JOMPAY		TARIKH	
TANDATANGAN PELAJAR					

Bahagian D (Untuk kegunaan pejabat)

REKOD PELAJAR SEMASA MENETAP DI KOLEJ KEDIAMAN

--

Bahagian E(Diisi oleh pelajar) PERJANJIAN PELAJAR & JAMINAN WARIS/PENJAGA**PERJANJIAN PELAJAR**

SayaNo.K/P : dengan ini berjanji dengan Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar bahawa sebagai pelajar yang berdaftar menetap di Kolej Kediaman Pelajar PSP, saya :

- a) Akan mematuhi semua peraturan Kolej Kediaman Pelajar yang berkuatkuasa dan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar dari masa ke semasa.
- b) Akan sentiasa bersikap dan berkelakuan baik serta berbudi pekerti tinggi pada bila-bila masa, semasa saya berdaftar sebagai pelajar dan penghuni di Kolej Kediaman Pelajar.
- c) Dengan rela hati menerima sebarang tindakan tatatertib ke atas diri saya sekiranya saya gagal mematuhi perjanjian yang dibuat seperti di para (a) dan (b) dengan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar, PSP.
- d) Bertanggungjawab sepenuhnya di atas segala tindakan salahlaku saya semasa saya berada di dalam atau diluar kawasan Kolej Kediaman Pelajar, PSP.

(Tandatangan Pelajar)

(Tarikh)

JAMINAN DAN PENGAKUAN WARIS/PENJAGA

SayaNo.K/P : sebagai waris atau penjaga kepada pelajar yang bernama seperti diatas dengan ini memberi jaminan dan perakuan kepada Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar ,PSP bahawa pelajar yang bernama di atas :

- a) Akan mematuhi semua peraturan Kolej Kediaman Pelajar yang berkuatkuasa dan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar dari masa ke semasa.
- b) Akan sentiasa bersikap dan berkelakuan baik serta berbudi pekerti tinggi pada bila-bila masa, semasa saya berdaftar sebagai pelajar dan penghuni di Kolej Kediaman Pelajar.
- c) Saya juga dengan ini memberi kebenaran kepada Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar untuk mengambil sebarang tindakan tatatertib ke atas pelajar yang bernama seperti di atas sekiranya beliau gagal mematuhi perjanjian yang dibuat seperti di para (a) dan (b) dengan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar, PSP.
- d) Menjalankan ujian air kencing ke atas pelajar yang bernama seperti di atas pada bila-bila masa sekiranya difikirkan perlu.
- e) Mengambil tindakan yang perlu ke atas pelajar yang bernama seperti di atas sekiranya berlaku sebarang kes kecemasan.

Saya juga bersetuju untuk menjelaskan sebarang bayaran yang akan dikenakan oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar semasa pelajar yang bernama seperti di atas berdaftar menetap di Kolej Kediaman Pelajar , Politeknik Seberang Perai.

(Tandatangan Waris/Penjaga)

(Tarikh)

(Tandatangan Saksi)

(Tarikh)